



PUSAT KHIDMAT PARLIMEN PANDAN RAFIZI RAMLI

No. 1-16, Jalan Pandan Prima 2, Dataran Pandan Prima, 55100 Kuala Lumpur
Tel: 019 2625025 | Faks: 03 92013502 | Emel: pusatkhidmatpandan@gmail.com

7 November 2017

Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif
Petroleum Nasional Berhad
Menara 1
Menara Berkembar PETRONAS
Pusat Bandar Kuala Lumpur
50088 Kuala Lumpur.

Yang Berbahagia Tan Sri

KUNJUNGAN DELEGASI AHLI PARLIMEN BAGI MEMBINCANGKAN PELABURAN PETRONAS DI MYANMAR

Atas usaha bersama dengan satu kumpulan hak asasi manusia yang berpusat di Amerika Syarikat bernama *International Campaign for the Rohingyas* (IFR), saya telah menjadi penaja kepada satu petisyen yang dibawa ke Parlimen Malaysia untuk membincangkan pelaburan PETRONAS di Myanmar.

IFR dan aktivis lain di seluruh dunia sedang menyusun kempen antarabangsa untuk mendesak syarikat-syarikat besar yang mempunyai pelaburan di Myanmar untuk mempertimbangkan kembali pelaburan tersebut setelah mengambil kira rekod buruk Kerajaan Myanmar yang terbabit dengan pembunuhan (“genocide”) beramai-ramai orang Rohingya yang dinafikan hak mereka mendapat kerakyatan.


Saya telah memberi komitmen saya untuk memberi tumpuan kepada isu ini sehingga ia mendapat perhatian antarabangsa seperti mana kempen antarabangsa mempopularkan Aung San Suu Kyi dan mendidik masyarakat dunia kekejaman junta tentera Myanmar.

Bagi pihak rakan-rakan saya ahli-ahli parlimen Malaysia yang menandatangani petisyen tersebut, saya mohon untuk mengadakan satu perbincangan untuk menilai pendirian dan kedudukan PETRONAS dalam isu konflik Rohingya.

Saya boleh dihubungi di email pusatkhidmatpandan@gmail.com untuk mengesahkan masa yang sesuai untuk diadakan pertemuan tersebut.

Saya dahulukan budi bicara Tan Sri dengan ucapan terima kasih.

Yang menjalankan amanah



RAFIZI RAMLI
Ahli Parlimen Pandan

Melalui:

Faks +60 3 2331 1583

Email –

PUSAT KHIDMAT PARLIMEN PANDAN

No. 1-16, Jalan Pandan Prima 2, Dataran Pandan Prima, 55100 Kuala Lumpur
Tel: 019 2625025 | Faks: 03 92013502 | Emel: pusatkhidmatpandan@gmail.com